

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK RAIME BIN UNGGI**  
**[ TENOM ]**

**TARIKH : 26 MAC 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**YB Datuk Raime bin Unggi [ Tenom ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah syarikat Bumiputera yang diberikan ruang dan peluang dalam Program Pembangunan Vendor sejak ditubuhkan pada 1994 kendalian PETRONAS sebagai usaha melahirkan syarikat Bumiputera berdaya maju dan mampan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Program *Vendor Development Programme (VDP)* telah dilancarkan pada tahun 1994 sebagai salah satu daripada pelbagai langkah PETRONAS dalam melahirkan dan membangunkan syarikat-syarikat milik Bumiputera yang kompetitif dan berdaya saing.

Sejak penubuhannya, program VDP telah memberi peluang kepada sebanyak 88 buah syarikat Bumiputera melalui penganugerahan kontrak-kontrak yang berjumlah RM7.7 bilion. Pendekatan yang telah diambil adalah untuk memberi peluang dan latihan yang diperlukan bagi syarikat-syarikat tersebut untuk berdaya saing dengan syarikat-syarikat antarabangsa dalam menjalankan kerja-kerja minyak dan gas yang memerlukan kepakaran yang tinggi dan khusus. Sebanyak 72 buah syarikat daripada 88 buah syarikat tersebut telahpun berjaya digraduasikan daripada program VDP berdasarkan kepada kemajuan yang telah dicapai untuk berdiri dengan sendiri dan bersaing dengan pesat dalam industri minyak dan gas domestik dan juga antarabangsa.

Selain daripada program VDP, PETRONAS juga telah melaksanakan pelbagai usaha dalam merangka program-program strategik bagi menyokong pemerikasaan ekonomi Bumiputera. Setakat Disember 2014, sebanyak 3,314 syarikat milik penuh Bumiputera atau 73% daripada syarikat yang berlesen dan berdaftar dengan PETRONAS dan 1,097 lagi syarikat majoriti milik Bumiputera (24%) telah berjaya menjadi

syarikat berlesen dan berdaftar serta berpeluang ditawarkan kerja-kerja berkaitan minyak dan gas yang merangkumi aspek kerja bukan teknikal sehinggalah kepada aspek teknikal yang *sophisticated* dan canggih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk tahun 2014, sejumlah RM48 billion nilai kontrak telah diberikan kepada syarikat-syarikat Bumiputera. Ini merangkumi 60% daripada jumlah kontrak sebanyak RM79.4 billion.

Sekian, terima kasih.